

**Masalah air Kelantan selesai jika BN perintah
Malaysiakini.com
November 12, 2010**

Jika kerajaan PAS Kelantan memerlukan 17 tahun lagi untuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih di negeri itu, BN hari ini berjanji untuk mengatasinya hanya dalam tempoh tiga tahun atau selewat-lewatnya satu penggal pemerintahannya.

Ketika membuat janji itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Awang Adek Hussin, berkata pengumuman kerajaan Kelantan yang rakyat negeri itu akan dapat menikmati bekalan air bersih sepenuhnya dalam tempoh 17 tahun lagi adalah bukti kegagalan PAS memerintah negeri itu.

"Saya sangat kesal dan terkejut apabila mengetahui rakyat Kelantan perlu menunggu 17 tahun lagi untuk mendapat bekalan air bersih ini. Masalah ini boleh diatasi kalau rakyat bagi kepercayaan kepada BN (untuk perintah Kelantan).

"Kita akan dapat selesai hanya dalam tempoh dua atau tiga tahun sahaja atau paling lewatnya satu penggal (pemerintahan). Terserah kepada rakyat Kelantan nak tunggu 17 tahun lagi atau hanya tiga tahun, dan ini satu jaminan (kepada rakyat Kelantan)," katanya kepada pemberita selepas majlis menyambut ketibaan pemain bola sepak Kelantan dan perarakan Piala Malaysia di Dataran Perahu di Bachok hari ini.

Turut hadir, Presiden Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) Tan Sri Annuar Musa dan ketua jurulatih pasukan Kelantan, B Sathianathan, serta lebih 5,000 penyokong.

Kelantan menewaskan Negeri Sembilan 2-1 pada perlawanan akhir di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 30 Oktober lalu.

Awang Adek berkata, jika rakyat Kelantan perlu menunggu sehingga 2027 untuk mendapat bekalan air bersih, itu menunjukkan pemimpin PAS Kelantan tidak mampu mentadbir dan negeri itu akan terus ketinggalan pada masa depan.

Burukkan imej Islam

"Yang sedih perkara seperti ini dikaitkan dengan Islam (sedangkan) yang sepatutnya kemajuanlah yang kita boleh kaitkan, kerana ia tuntutan agama dan bukannya perkara yang hanya boleh memburukkan imej Islam. Saya rasa rakyat Kelantan akan sedar mengenai perkara ini," katanya.

Pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan yang berakhir semalam, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerja Raya, Utiliti dan Alam Sekitar Negeri, Mej (B) Datuk Md Anizam Abdul Rahman, berkata liputan air bersih yang sepenuhnya bakal dinikmati rakyat Kelantan selewat-lewatnya pada 2027.

Md Anizam dilaporkan berkata sehingga tempoh itu kerajaan negeri melalui Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd akan menaik taraf secara berperingkat infrastruktur bekalan air bersih ke seluruh negeri.

Awang Adek yang juga Timbalan Menteri Kewangan, berkata adalah tidak benar bahawa kadar kemiskinan tegar di Kelantan telah menurun sehingga hampir empat peratus seperti yang diumumkan pada persidangan DUN itu.

"Statistik (yang diumumkan kerajaan negeri) tidak boleh dijadikan ukuran dan pada hakikatnya Kelantan adalah di tempat tercorot dalam banyak perkara seperti pendapatan isi rumah, kutipan hasil jualan dan jumlah kemasukan pelabur ke Kelantan.

"Hakikatnya kita (Kelantan) ramai yang miskin. Ini cuma menidakkan kebenaran," katanya.

Beliau berkata UMNO Kelantan akan menggunakan isu air dan tempat tercorot itu bagi memberikan kefahaman sepenuhnya kepada rakyat agar mereka sedar segala permasalahan itu.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/148058>